



## TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 34 /2024

### TUNTUTAN MENCINTAI NEGARA

**23 Ogos 2024**

*Bersamaan*

**18 Safar 1446**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaian terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَنْعَمُ الصَّالِحَاتُ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْحَاضِرُونَ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُّسْلِمُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Pertamanya marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah dan suruhan-Nya, pada masa yang sama bersungguh-sungguh meninggalkan segala larangan-Nya.

Sesungguhnya hanya dengan bertakwa dan beriman kepada Allah SWT sahajalah, setiap manusia akan memperoleh rahmat-Nya dan mereka tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang berjaya di dunia, bahkan berjaya juga di akhirat. Insya-Allah.

Mimbar mulia pada hari Jumaat kali ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk:

**“Tuntutan Mencintai Negara”.**

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Setiap tahun pada tanggal 31 Ogos, negara kita Malaysia akan menyambut ulang tahun hari kemerdekaan. Sambutan pada tahun ini menandakan negara kita telah merdeka selama 67 tahun.

Jika disoroti, kemerdekaan negara yang dicapai pada tahun 1957 adalah sebuah perjuangan yang panjang dan penuh berliku. Generasi terdahulu telah mengorbankan jiwa dan raga mereka bagi mempertahankan tanah air daripada penjajahan kuasa asing. Perjuangan mereka juga bertujuan agar agama Islam terus terpelihara di Malaysia.

Hasil pengorbanan generasi terdahulu, Alhamdulillah rakyat Malaysia pada hari ini dapat hidup dengan aman dan damai di tanah air sendiri. Umat Islam pula bebas melaksanakan tuntutan Rukun Iman dan Rukun Islam tanpa perlu berasa takut.

Apa yang pasti, pengorbanan yang ditunjukkan itu adalah bukti kecintaan mereka terhadap negara sekaligus kecintaan terhadap agama. Mereka sanggup berkorban apa sahaja demi negara dan agama tercinta. Sikap ini selari dengan pepatah Arab yang masyhur:

# حُبُّ الْوَطَنِ مِنَ الْإِيمَانِ

**Maksudnya:** “Cintakan negara (tanah air) salah satu daripada tanda keimanan.”

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Mencintai negara adalah sebahagian tuntutan bagi umat Islam. Sirah daripada Rasulullah SAW sendiri menunjukkan bahawa baginda sangat mencintai bumi Makkah, yang merupakan tanah tumpah darah tempat kelahiran dan tempat baginda membesar.

Buktinya ketika baginda diperintahkan untuk berhijrah meninggalkan Makkah, apabila sampai di sempadan, Rasulullah SAW berpaling menoleh ke Makkah lantas bersabda (yang bermaksud):

“Tidak aku temui negeri yang lebih baik daripada engkau (Makkah), dan tiada negeri yang lebih aku cintai daripada engkau. Kalau bukan kerana kaumku (Quraisy) menghalauku keluar daripada Makkah, tidak akan aku tinggalkan negeri ini.” (Hadis riwayat al-Tirmizi)

Setelah Rasulullah SAW menetap di Madinah, baginda menumpahkan sepenuh jiwa raga bagi membangunkan dan mempertahankan Madinah. Perasaan cinta terhadap bumi Madinah turut tersemai erat dalam sanubari baginda sebagaimana doa baginda:

**اللَّهُمَّ حِبْبُ إِلَيْنَا الْمَدِينَةُ كَحُبْنَا مَكَّةَ أَوْ أَشَدَّ**

**Maksudnya:** “Wahai Tuhan kami, lahirkanlah rasa cinta kami kepada Madinah seperti mana kami mencintai Makkah, atau lebih.” (Hadis riwayat al-Bukhari)

Selain itu, diceritakan oleh Anas bin Malik RA, bahawa Rasulullah SAW apabila pulang dari perjalanan yang jauh, ketika hampir dengan Madinah, baginda menggesa untanya supaya berjalan cepat seakan-akan rindu dan ingin sampai secepat mungkin ke Madinah. (Hadis riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan sirah Rasulullah SAW ini, menunjukkan bahawa mencintai negara merupakan perkara yang dituntut dalam agama Islam. Justeru, umat Islam mesti mencintai negara mereka sendiri sebagaimana sikap yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW tersebut.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Dalam konteks tuntutan mencintai negara pada hari ini, mimbar ingin mengajak seluruh umat Islam menginsafi bahawa kemerdekaan negara yang kita perolehi adalah anugerah Allah SWT yang wajib disyukuri dan dipelihara. Pelbagai nikmat telah dirasai hasil dari kemerdekaan tersebut.

Sebagai tanda kesyukuran, marilah kita bersama-sama berganding bahu memelihara dan seterusnya mempertahankan negara Malaysia yang tercinta ini daripada sebarang perkara yang boleh menggugat kedaulatan, keutuhan dan keselamatan negara. Firman Allah SWT dalam surah Al-Anfal ayat 60 :

وَأَعِدُّوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْتُم مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ  
 اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخْرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا يَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا  
 مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَآتُمْ لَا نُظْلِمُ  
 ﴿٦٠﴾

**Maksudnya:** Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.

Dalam konteks semasa, musuh negara Islam pada hari ini datang dalam dua bentuk penjajahan. Pertamanya penjajahan berbentuk geografi, sebagaimana yang masih berlaku di Palestin sehingga kini. Rejim zionis terus-menerus membunuh dan mengusir umat Islam.

Keduanya penjajahan secara halus iaitu penjajahan pemikiran. Penjajahan ini sangat berbahaya kerana ia tidak begitu disedari oleh kebanyakan umat Islam. Barat telah bertindak memesongkan akidah umat Islam melalui ideologi moden seumpama fahaman liberal.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Sebagai rumusannya, umat Islam di Malaysia yang berikrar mencintai negara wajib mempertahankan kemerdekaan negara daripada sebarang bentuk penjajahan. Ini kerana, mempertahankan negara merupakan antara tanda bagi orang beriman yang cintakan negaranya.

Justeru, sengaja membiarkan atau tidak mempedulikan nasib negara adalah termasuk dalam kalangan orang yang tidak mensyukuri nikmat kemerdekaan. Umat Islam juga mesti bersatu-padu dan membuat persediaan yang rapi bagi menghadapi cabaran semasa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَاءَكُمْ جُنُودٌ فَارْسَلْنَا عَلَيْهِمْ  
رِيحًا وَجُنُودًا لَمْ تَرَهَا وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (Al-Ahzaab), lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut (yang kencang) serta angkatan tentera (dari malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan.” (Surah al-Ahzab, ayat 9)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
**مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللّٰهُ،**

**Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Kehidupan di dunia ini perlu kepada interaksi antara satu sama lain. Tidak ada orang yang mampu mengurus kehidupan tanpa penglibatan orang lain. Itulah sunnatullah dalam kehidupan. Justeru, pereratkanlah hubungan sesama manusia dengan saling menghormati, sayang menyayangi dan bantu-membantu antara satu sama lain. Mudah-mudahan kesatuan umat Islam akan lebih kukuh dan kesejahteraan akan dapat dikecapi bersama.

Begitu juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

٥٦ ﴿إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكَيْ كَٰتَهُ، يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِيْهَا الَّذِينَ ءاَمَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا اَسْلِيمًا  
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيْمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٌ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهَ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغُّبَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانِ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

**اللّٰهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِلِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينَ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللّٰهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.**

### **Ya Allah,**

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebijakan dan taqwa.

### **Ya Allah**

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. BukaKanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa ju Kemurkaan-Mu.

### **Ya Allah,**

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.